

PEJABAT BENDAHARI

Tel : +606 331 6096/6102 | Faks : +606 331 6101

Emel : pejabatbendahari@utem.edu.my

Rujukan Kami (Our Ref.) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld.4 (8)

➤ Jamadilakhir 1435 H

Rujukan Tuan (Your Ref.) :

➤ April 2014

SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 8/2014

Semua

Ketua Pusat Tanggungjawab

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

HangTuah Jaya,

Durian Tunggal, Melaka

Assalamualaikum wrt. wbt.,

Y. Bhg. Datuk/Dato'/Prof/Dr./Tuan/Puan,

PINDAAN PERATURAN SKIM PINJAMAN KENDERAAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Dengan hormatnya saya merujuk perhatian Y.Bhg.Datuk/Dato'/Prof/Dr./Tuan/Puan kepada perkara di atas.

1.0 Tujuan

1.1 Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan pindaan ke atas peraturan Skim Pinjaman Kenderaan UTeM.

2.0 Latar Belakang

2.1 Pejabat Bendahari telah menggunakan Pekeliling Bendahari Bil. 7/2012 dan Surat Pekeliling Bendahari Bil. 2/2013 sebagai rujukan utama dalam menguruskan Skim Pinjaman Kenderaan UTeM.

2.2 Pada 26 Februari 2014, Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 1/2014 telah membincangkan dan bersetuju meluluskan berkaitan cadangan pindaan bagi para 3.1 di dalam Surat Pekeliling Bendahari Bil. 2/2013 setelah melihat beberapa kebaikan di atas penambahbaikan ini.

3.0 PINDAAN

3.1 Merujuk kepada SPB Bil. 2/2013, para 3.1 menyatakan "*Pinjaman hanya boleh diberikan kepada seorang staf sekali sahaja dalam tempoh tiga (3) tahun dengan syarat pinjaman yang ada telah diselesaikan*". Para tersebut merujuk kepada semua jenis kenderaan.

3.2 Walaubagaimanapun, dengan kenaikan amaun maksimum pembiayaan pinjaman kenderaan jenis basikal dari RM500.00 kepada RM3,000.00, para 3.1 di atas telah dipinda bagi mengalakkan pinjaman kenderaan jenis basikal dibuat tanpa menunggu terlalu lama kerana terikat kepada para 3.1 tersebut.

3.3 Sehubungan dengan itu, **setiap permohonan staf adalah dibenarkan untuk membuat permohonan pinjaman kenderaan jenis basikal walaupun telah mempunyai pinjaman kenderaan jenis kereta atau motosikal tetapi masih tertakluk kepada syarat-syarat dan kelayakan yang ditetapkan dan jumlah potongan baru tidak melebihi 60% daripada gaji pokok dan elaun-elaun lain.**

4.0 SENARAI PANEL BASIKAL

4.1 Merujuk kepada SPB Bil. 2/2013 para 4.1, pinjaman basikal perlu dibeli melalui panel pembekal yang dilantik sahaja. Sehubungan dengan itu Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja Bil. 5/2013 pada 29 Ogos 2013 telah bersetuju melantik beberapa panel pembekal.

4.2 Berikut adalah panel pembekal bagi pinjaman kenderaan jenis basikal:

Bil.	Nama Syarikat	Alamat	No. Tel
1.	SHARIFAH & KELUARGA ENT	DT 4291, Jalan Murai Jaya 3, Taman Murai Jaya, 76100 Melaka	Puan Sharifah Noor Ain binti Syed Othman : 012-6773510 Encik Razali : 012-6972510
2.	GIZMO BIKES	No. 87, Jalan TU 3, Taman Tasik Utama, 75450 Ayer Keroh Melaka	Encik Azhar bin Mohamad Said : 012-7172120 Pejabat : 06-2346160
3.	CHOP SIN BEE HIN	47, Jalan Ong Kim Wee 75300 Melaka	Pejabat : 06-2831477
4.	LS TEO ENTERPRISE	4534-AG, Jalan Besar, 78300 Masjid Tanah, Melaka	Encik Teo Lai Sang : 012-3637535
5.	ZAABA BICYCLE CENTER	A8-G-19, Blok 48, Jalan Mewah 4, Pandan Mewah, 68000 Ampang	Encik Zabhanizam bin A.Rahman : 016-6269602 Pejabat : 03-480094846

5.0 KUATKUASA PEKELILING

5.1 Pekeliling ini berkuat kuasa sepenuhnya mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, *Wassalam.*

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



KHAIRUL BIN TAIB

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

s.k. **Y. Bhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan**
Naib Canselor

Y. Bhg. Prof. Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Y. Bhg. Prof. Ir. Dr. Jailani bin Mohd Nor
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Y. Bhg. Prof. Madya Dr Izaidin Bin Abdul Majid
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)